

09 SEP 1998

Penjelasan-Reaksi

PEMECATAN : PELBAGAI PEMIMPIN TERIMA PENJELASAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Pelbagai pihak hari ini menyokong penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah kerana Anwar melakukan perbuatan tidak bermoral.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau menerima penjelasan tersebut serta tindakan-tindakan yang diambil oleh Dr Mahathir berhubung perkara itu.

"Saya bersetuju dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh beliau kerana saya percaya beliau sedar mana satu tindakan yang akan menjaga kepentingan negara," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian konsesi Lebuhraya Pantai Timur di sini.

Samy Vellu berkata beliau bersedia untuk menjelaskan kepada masyarakat India termasuk kepada anggota MIC dan pertubuhan lain mengenai perkembangan politik terkini yang membabitkan pemecatan Anwar.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pula berkata beliau yakin penjelasan yang diberi oleh Perdana Menteri boleh menyelesaikan pelbagai persoalan yang ditimbulkan berhubung pemecatan Anwar itu.

"Tidak timbul apa-apa persoalan. Jadi patutlah kita tidak pandang daripada segi lain," katanya yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Terengganu.

Wan Mokhtar berkata beliau telah memanggil semua pemimpin Umno negeri untuk memberi penjelasan dan mereka berpuashati dengan penjelasan tersebut.

Ketika ditanya bahawa masih ramai yang ke rumah Anwar walaupun selepas dipecat, Wan Mokhtar berkata: "Perdana Menteri lebih 17 tahun dengan Anwar. Beliau tahu lebih dekat lagi daripada kita yang lebih jauh."

Ditanya mengenai pandangan yang mengatakan Anwar seorang yang warak dan apakah rakyat dengan mudah menerima sebab moral berhubung pemecatan itu, Wan Mokhtar berkata nilai-nilai dalam agama bukan sahaja yang nampak di luar tetapi juga di dalam diri seseorang.

"Sesetengah orang bercakap sahaja tapi tak buat," katanya.

Menteri Besar Pahang dan Pengerusi Perhubungan Umno negeri Tan Sri Mohd Khalil Yaacob berkata beliau yakin dengan penjelasan itu yang dianggapnya diambil demi kepentingan parti dan negara.

"Kita yakin sepenuhnya kerana kita tahu Perdana Menteri begitu yakin sekali dengan sebab-sebab pemecatan dibuat. Jadi sebagai Perdana Menteri mestilah dia tahu dan mempunyai akses kepada banyak perkara dan maklumat yang membantunya dalam membuat keputusan," katanya.

-- BERNAMA

RV KHY